

**Perayaan Tahun Baru Cina Platform Terbaik Selami Budaya Hidup Kaum Cina -
Pembantu Menteri
Bernama
18 Januari, 2012**

TAWAU, 18 Jan (Bernama) -- Perayaan Tahun Baru Cina merupakan platform terbaik bagi masyarakat majmuk Malaysia menyelami budaya hidup masyarakat berketurunan Cina, kata Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Pang Yuk Ming.

Beliau berkata perayaan berkenaan, selain boleh meningkatkan persefahaman kebudayaan, juga dapat mengeratkan hubungan kaum selaras dengan slogan 1Malaysia.

"Keunikan di Malaysia ialah selain ia negara berbilang kaum, bangsa dan agama, rakyat hidup bersatu padu dan penuh harmoni," katanya pada majlis pelancaran Karnival Tahun Baru Cina di sini malam tadi.

Menurut Pang, sebagai rakyat yang cintakan perpaduan, mereka harus mempertahankan situasi tersebut daripada sebarang anasir tidak bertanggungjawab yang tidak senang melihat keharmonian yang dikecapi di negara ini.

"Kita jangan mudah terpengaruh hingga sanggup melakukan sesuatu perkara yang boleh menggugat kedamaian dan keharmonian yang kita bina selama ini," katanya.

Pang memberi contoh rakyat di sesetengah negara yang terpaksa menggalas senjata dan bergadai nyawa semata-mata untuk mengecapi kebebasan beragama dan kemerdekaan, sedangkan di Malaysia kebebasan sedemikian sudah dikecapi sejak sekian lama.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640761>